

# e-Buletin JSKM

EDISI  
APRIL  
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



## Menyemai Harapan,

### MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS  
APRESIASI JSKM  
2026

Laporan

RAFAH YANG  
DIRATAH TIDAK  
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI  
PASIR DAN  
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

# FOCCAN: Menyemai Harapan, Menyantuni Pejuang Kecil

*Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.*



**Siti Asmah  
Mohamed**

Dalam usaha memperkasa peranan pendidikan tinggi, keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan tanggungjawab sosial semakin diberi penekanan. Selari dengan aspirasi ini, Jabatan Sains Komputer dan Matematik (JSKM), UiTM Cawangan Pulau Pinang terus komited melaksanakan inisiatif komuniti melalui kerjasama bersama Persatuan Sahabat Kanak-Kanak Kanser Wilayah Utara (FOCCAN).

FOCCAN berperanan sebagai platform sokongan kepada kanak-kanak pesakit kanser dan keluarga mereka, khususnya dari aspek kebajikan, emosi dan sosial. Melalui kerjasama ini, beberapa program telah dilaksanakan seperti *Program Jalinan Kasih*, *Kids Day Out: Math Fun Carnival* dan *Beg Kongsi Rezeki Sahur* (BKRS). Program-program ini dirancang secara santai tetapi bermakna, dengan menggabungkan elemen pembelajaran, hiburan dan sokongan emosi.

Pendekatan yang digunakan memberi ruang kepada kanak-kanak untuk belajar dalam suasana yang menyeronokkan. Aktiviti berasaskan permainan matematik dan pengalaman karnival membantu merangsang pemikiran serta meningkatkan keyakinan diri. Pada masa yang sama, aktiviti ini turut membantu mengurangkan tekanan sepanjang tempoh rawatan, sekali gus menyokong kesejahteraan emosi mereka.

Selain itu, perhatian juga diberikan kepada penjaga yang memainkan peranan penting dalam kehidupan kanak-kanak ini. Inisiatif seperti BKRS membantu meringankan beban harian serta memberi sokongan moral kepada mereka. Pendekatan ini menunjukkan bahawa usaha menyantuni komuniti perlu dilihat secara menyeluruh, melibatkan bukan sahaja penerima utama tetapi juga keluarga yang turut terkesan.

Dari sudut institusi, penglibatan dalam program bersama FOCCAN memperkukuh peranan JSKM sebagai rakan strategik komuniti. Ia juga membuktikan bahawa kepakaran dalam bidang akademik boleh dimanfaatkan secara kreatif untuk memberi impak kepada masyarakat. Dalam masa yang sama, pengalaman ini turut memupuk nilai empati dan keprihatinan dalam kalangan pensyarah yang terlibat.

Secara keseluruhannya, kerjasama antara JSKM dan FOCCAN mencerminkan usaha berterusan dalam menyemai harapan dan menyantuni pejuang kecil. Walaupun inisiatif yang dilaksanakan kelihatan sederhana, impaknya besar kepada mereka yang memerlukan. Usaha ini diharapkan dapat diteruskan sebagai satu langkah bermakna dalam menghubungkan ilmu dan kemanusiaan demi kesejahteraan bersama.

“

***Sebagai pensyarah, saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan.***

”



اَبُو بَكْرٍ مَرْكُوبٌ  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Pulau Pinang  
Kampus Permatang Pauh

**Unit Penerbitan e-Buletin**  
**Jabatan Sains Komputer dan Matematik**  
**UiTM Cawangan Pulau Pinang**  
**13500 Permatang Pauh**  
**Pulau Pinang**

eISSN 2637-0077



9 772637007004